

Kaji kelemahan sendiri: Mahathir

2 JUN 1991

Oleh MANJA ISMAIL
dan AZHAR ABU SAMAH

KUALA LUMPUR: Karyawan filem tidak harus menyalahkan orang lain apabila filem tempatan tidak ditayangkan di pawagam kelas satu, sebaliknya mereka harus mengkaji kelemahan sendiri kenapa filem itu tidak mendapat tempat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, soal tayangan di pawagam kelas satu atau dua bukan faktor penting menarik minat penonton, tetapi mutu keseluruhan filem terbabit yang menjadi ukuran sebenar.

"Penonton akan pergi ke pawagam yang menayangkan filem bermutu tanpa mengira sama ada pawagam itu kelas satu atau dua, asalkan ia menarik.

"Justeru itu, karyawan filem tempatan perlu sedar walaupun filem Melayu ditayangkan di pawagam kelas

satu, tetapi kalau tiada penonton, ia tidak bermakna," katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Kompleks Studio Merdeka dan Festival Filem Malaysia Kesembilan di Hulu Kelang, semalam.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir meminta karyawan filem mengutamakan mutu dalam pembinaan filem tempatan dalam usaha meletakkan taraf filem Melayu ke peringkat antarabangsa.

"Ini boleh dibuat dengan ketekunan, berani mencuba dan sanggup belajar daripada kesilapan. Saya perhatikan seni persembahan lain seperti nyanjian sudah ke taraf antarabangsa. Oleh itu, tidak ada sebab kenapa bidang perfileman dan seni lakonan kita tidak boleh ke tahap demikian.

Bagaimanapun, filem Melayu tidak perlu meniru unsur keganasan dan seks seperti filem Barat kerana masyarakat negara ini tidak memerlukan adegan sedemikian. Kita boleh adakan cerita lain yang lebih menarik dan menepati kehendak masyarakat,

katanya.

Terdahulu itu, dalam ucapannya Perdana Menteri berkata, kegagalan merangkul anugerah filem terbaik di Pesta Filem Kelapan pada 1989 mungkin memberi satu gambaran terhadap kegagalan industri perfileman tempatan mencapai tahap kemajuan yang diharapkan.

Sehubungan itu, katanya, sudah tiba waktunya karyawan filem memikirkan cara meningkatkan mutu dan jumlah pengeluaran filem tempatan kerana arah aliran sekarang memperlihatkan penonton hanya mahu filem bermutu tinggi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun membuat filem bukanlah perkara mudah yang memerlukan daya kreatif, komitmen, dedikasi dan disiplin, karyawan filem harus mengambil kira citarasa dan selera penonton serta kepekaan masyarakat majmuk negara ini.

"Filem bermutu tinggi bukan sahaja dapat bersaing dengan filem bermutu yang diimport, tetapi juga boleh

memperkenalkan kebudayaan kita," katanya.

Beliau berkata, pengeluar filem tempatan harus mempunyai pandangan jauh bagi menjamin industri perfileman Malaysia terus berkembang maju kerana pasaran tempatan bagi filem keluaran negara ini terhad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu karyawan filem tempatan mengeluarkan filem yang bukan sahaja boleh menembusi pasaran negara Asean, malah tempat lain di seluruh dunia.

"Mereka harus memikirkan sama ada ini boleh dilakukan melalui usaha bersama dengan pengeluar filem luar negara untuk membuat filem yang menggabungkan bintang filem tempatan dan luar negara atau mempunyai tema yang sejagat," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, untuk menggalakkan pelaburan dalam industri perfileman, kerajaan memberi galakan dalam bentuk taraf perintis dan elaun cukai pelaburan.